

**Kerajaan Kedah Diminta Segera Ambil Tindakan Berhubung Pusat Hiburan Bernama**  
**16 Julai, 2012**

ALOR SETAR, 16 Julai (Bernama) -- Kerajaan Negeri Kedah diminta segera mengambil tindakan berhubung dakwaan pusat hiburan tumbuh macam cendawan lepas hujan di negeri ini terutama di bandaraya ini yang telah menimbulkan kebimbangan orang ramai.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah berkata banyak blog dan laman sosial Facebook yang menyiarkan tentang pusat-pusat hiburan itu dan itu jelas menunjukkan masyarakat tidak suka dengan kewujudan pusat hiburan itu.

Kerajaan negeri perlu menyiasat sama ada pusat hiburan itu berlesen atau tidak dan mengambil tindakan sewajarnya, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri Kedah di sini.

"Sebagai kerajaan (negeri), perlu ambil tindakan sebab rakyat dah mula bimbang dengan situasi pusat hiburan di Alor Setar. Perlu buat pemantauan di tempat-tempat itu bagi memastikan apa yang tersebar di blog dan Facebook betul atau tidak," katanya.

Sementara itu,, Ahmad Bashah berkata pada mesyuarat itu, Umno negeri memutuskan sepanjang bulan Ramadan ini, setiap bahagain perlu menjalankan aktiviti seperti majlis berbuka puasa, moreh dan sahur serta memberi bantuan kepada masyarakat miskin, orang kurang upaya dan anak-anak yatim.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680808>

